

Aktiviti berbentuk komuniti beri banyak manfaat



Sebahagian peserta ukiran buah yang menyertai pertandingan ukiran buah menunjukkan hasil ukiran mereka.

MORIB - Karnival Usahawan Belia Desa atau Mini Karnival Pusat Wanita Berdaya Saing yang diadakan sepanjang cuti sekolah baru-baru ini memberi peluang kepada orang ramai melihat sendiri aktiviti peserta mencungkil bakat.

Seorang pengunjung Pantai Morib, Mohd Sharkawi Ahmad, 32, berkata, dia gembira apabila pelbagai aktiviti dianjurkan di pusat pelancongan itu.

Menurutnya, walaupun program berbentuk mengukir

buah, dandanan pengantin dan sebagainya memberi peluang kepada masyarakat melihat sendiri bakat mereka.

"Saya suka ke Pantai Morib bila mana pelbagai aktiviti dijalankan. Saya harap pengajuran aktiviti dapat dianjurkan setiap bulan di kawasan pantai bagi memupuk semangat kerjasama dalam menaikkan imej Pantai Morib," katanya.

Bagi seorang suri rumah, Rosnah Musa, 43, berkata dia memberi sokongan kepada ra-

kan-rakan yang memasuki pelbagai pertandingan yang diadakan di pantai.

Katanya, baginya tidak kira siapa sahaja menganjurkan aktiviti dia pasti hadir supaya dapat mengisi masa lapang.

"Bagaimanapun saya harap pelbagai pihak dapat mempelbagaikan aktiviti setiap bulan. Saya datang ke sini bawa keluarga tapi tak sangka ada pertandingan ukir buah melibatkan penyertaan lelaki dan wanita," katanya.



KLiK pilihan

PRIHATIN Ketua Pemuda MIC Kuala Langat, R Sritharan bersama ahli jawatankuasa menyampaikan sumbangan basikal kepada sebahagian keluarga yang memerlukan di sekitar Kuala Langat.

Utamakan pendidikan anak

Ibu bapa Orang Asli perlu bersama pastikan kecemerlangan murid



Sesi persekolahan pertama di SK Bukit Tadom (A) semalam menunjukkan penglibatan anak-anak Orang Asli semakin aktif.

BANTING - Ibu bapa dalam kalangan Orang Asli disaran-kan supaya tidak meletak-kan tanggungjawab menjaga anak-anak mereka kepada pi-hak Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan pihak sekolah semata-mata.

Pegawai Jakoa Daerah Kuala Langat dan Klang, Jantan Awang berkata, beliau melihat kebanyakan Orang Asli kini mula sedar dengan pendidikan.

Menurutnya, kebanyak-an mereka berusaha meng-hantar anak-anak ke sekolah walaupun pelbagai masalah dihadapi.

"Tapi saya tak nak mereka ketepikan tanggungjawab kepada keluarga selepas meng-hantar anak-anak ke sekolah. Akibatnya anak-anak terbiar sebab tak ada keperluan yang diberikan oleh ibu bapa sepanjang dihantar mendapatkan pendidikan," katanya ketika mengulas mengenai bu-daya ibu bapa dalam kalangan Arang Asli yang menghantar anak-anak ke sekolah.

Jantan berkata, pendidikan adalah fokus utama Jakoa dan pada 2015, Daerah Kuala Langat berjaya melahirkan dua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

"Paling membanggakan keseluruhan peratusan meningkat berbanding tahun sebelumnya. Saya berterima kasih kepada pihak sekolah, PIBG, pejabat pelajaran daerah dan wakil Jabatan Pelajaran



Antara gelagat ibu bapa dan murid Orang Asli yang sempat dirakamkan lensa kamera.

Negeri Selangor atas kerjasama mengadakan beberapa program peningkatan akademik," katanya.

Tambahnya, kem pecutan-an akhir UPSR dalam kalang-an murid-murid Orang Asli Negeri Selangor 2015 pula membuktikan dua pelajar mendapat 5A.

Sementara itu, Pengarah Jakoa Negeri Selangor, Bakar Unus merupakan antara individu yang banyak membantu terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli.

"Harapan saya supaya ibu bapa juga ambil tanggungjawab bersama memastikan pendidikan dan tidak serahkan tanggungjawab kepada sekolah dan Jakoa sahaja.

"Selain itu, kita juga muahu memastikan sifar keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli di daerah Kuala Langat dan Klang terus diberi perhatian," katanya yang mendapat makluman setiap sekolah Arang Asli di dua daerah berkenaan menerima per-tambahan pelajar Tahun 1.